



## **Keberkesanan Perbincangan Atas Talian Dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan**

**Rosfazliszah, Zahit<sup>1\*</sup> & Nurul Shida, Noni<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Mersing, Jalan Nitar, 86800 Mersing Johor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Mersing, Jalan Nitar, 86800 Mersing Johor, Malaysia

\*Corresponding Author: [rosfazliszah@pmj.edu.my](mailto:rosfazliszah@pmj.edu.my)

Diterima: 04 Disember 2020; Diluluskan: 16 Disember 2020; Tersedia dalam talian: 31 Disember 2020

**Abstrak:** Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diumumkan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID19 pada Mac 2020 seterusnya memberi kesan kepada sektor pendidikan yang mana proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang diamalkan selama ini terpaksa digantikan dengan pembelajaran secara atas talian. Antara kursus yang terkesan dalam kalangan pelajar kejuruteraan adalah kursus Keusahawanan yang mana mereka tidak mahir dalam bidang tersebut. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan aktiviti perbincangan secara atas talian dalam pembelajaran penyediaan Rancangan Perniagaan bagi kursus Keusahawanan. Data kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 94 orang responden yang mewakili pelajar semester 3 Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang mengambil kursus Keusahawanan secara atas talian. Skop kajian memfokuskan kepada keberkesanan perbincangan dalam penyedian Rancangan Perniagaan sahaja. Data yang diperolehi telah dianalisis dan dapatkan kajian menunjukkan secara keseluruhannya keberkesanan perbincangan dalam penyediaan Rancangan Perniagaan adalah tinggi dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus Keusahawanan secara atas talian.

**Kata Kunci:** Lembaran Kerja, Rancangan Perniagaan, Keusahawanan

### **1. Pengenalan**

Dunia telah digemparkan dengan penularan sejenis virus baru yang dikenali dengan wabak COVID19 pada penghujung tahun 2019 yang mana semua negara terpaksa menutup semua sektor bagi memutuskan rantaian penularan wabak ini. Malaysia juga turut terkesan dengan penularan wabak ini malah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telahpun dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID19. Sektor pendidikan di Malaysia juga terkesan dengan arahan PKP yang dikeluarkan membuatkan sektor pendidikan perlu melalui transformasi terhadap andragogi dan pedagogi secara alam maya (Agus & Samuri, 2018). Pusat pengajian tinggi seperti politeknik-politeknik di Malaysia turut mengeluarkan opsyen agar proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan secara bersemuka selama ini digantikan dengan pembelajaran secara atas talian bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan secara berkesan dan tidak ditangguhkan.

Pembelajaran secara atas talian sebenarnya telah lama wujud namun bagi memutuskan rantaian penularan Covid 19 dan bagi mematuhi arahan PKP yang dikeluarkan, PdP secara atas talian merupakan pilihan utama untuk dilaksanakan. Md Razak (2020) di dalam penulisannya menyatakan kajian yang dilakukan oleh Vanderbilt University di Amerika Syarikat pada tahun 2015 mendapat bahawa hampir 92% responden yang terdiri dari pelajar pelbagai bidang dan fakulti bersetuju bahawa pembelajaran secara atas talian adalah lebih efektif dan berkesan berbanding pengajaran dan pembelajaran secara konvensional. Namun menurut Ngadi (2020) terdapat 3 implikasi utama yang menjadi cabaran besar pendidik menjalankan pembelajaran secara atas talian iaitu kebolehcapaian internet, pengurusan emosi dan pentaksiran holistik. Kajian Amirudin & Md Hidayat (2018) pula melihat dari persepsi pensyarah di mana kajian mendapati tahap kesedaran dan penerimaan pensyarah PMM terhadap penggunaan e-pembelajaran amat positif dan keberkesanannya dalam membantu proses PdP.

Kursus Keusahawanan MPU22012 merupakan kursus umum yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Politeknik Malaysia. Kursus ini juga diberi opsyen agar dilaksanakan secara atas talian dan perlu diambil oleh setiap pelajar kejuruteraan yang berada di kampung halaman secara atas talian namun mengikut jadual waktu PdP yang telah ditetapkan. Kursus ini memberi fokus terhadap asas dan konsep keusahawanan bagi mempersiapkan pelajar agar

\*Corresponding Author: [rosfazliszah@pmj.edu.my](mailto:rosfazliszah@pmj.edu.my)

selepas bergelar graduan, mereka tidak hanya menunggu pekerjaan malah mampu mencipta pekerjaan sendiri seperti memilih usahawan sebagai kerjaya.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Di dalam penilaian kerja kursus bagi kursus Keusahawanan MPU22012, terdapat beberapa penilaian yang perlu dibuat antaranya pelajar perlu membangunkan dokumen Rancangan Perniagaan. Ini agak menggusarkan pelajar kejuruteraan kerana ketidakmahiran mereka dalam bidang perdagangan lebih-lebih lagi proses PdP dijalankan secara atas talian. Berbanding dengan dapatan kajian dari Sabariah & Fatimah (2018) mendapati pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan dari Politeknik Sultan Azlan Shah sangat cenderung dalam menjalankan perniagaan secara atas talian di atas faktor dorongan, kemudahan teknologi dan kecenderungan personel.

**“Justeru, setiap pendidik harus memperkenalkan apparatus dan metodologi yang dapat membantu meningkatkan kualiti proses pembelajaran dengan menyediakan informasi yang berguna tentang pelajar dan aktiviti yang telah dijalankan oleh mereka dalam sistem pembelajaran atas talian.”**

(Md Razak, 2020)

Sejak dengan pandangan tersebut, maka satu Lembaran Kerja Penyediaan Rancangan Perniagaan telah disediakan oleh Pensyarah Kursus bagi memberi garis panduan dan memudahkan pelajar menyediakan Rancangan Perniagaan (Abd Rahman, 2003). Lembaran Kerja ini merupakan salah satu usaha pensyarah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun dilaksanakan secara atas talian. Lembaran Kerja ini telah diedarkan kepada pelajar melalui platform CIDOS sebelum sesi perbincangan atas talian dilakukan bagi memastikan pelajar dapat membuat persediaan awal. Sehubungan dengan itu, satu kajian bagi mengenalpasti keberkesanan perbincangan secara atas talian di kalangan pelajar kejuruteraan yang menggunakan Lembaran Kerja dalam penyediaan Rancangan Perniagaan perlu dilakukan.

### 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian menggunakan Lembaran Kerja dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan berdasarkan aspek berikut:

- Kandungan Lembaran Kerja
- Interaksi perbincangan atas talian
- Maklumbalas pensyarah kursus.
- Strategi motivasi pensyarah

### 1.3 Skop dan Batasan Kajian

Skop dan batasan kajian adalah seperti berikut:

- Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar Politeknik Mersing yang mengambil kursus MPU22012 Keusahawanan secara atas talian.
- Kajian terbatas kepada pelajar-pelajar semester 3 dari kelas DET3B, DEE3B dan DEE3C pada sesi Jun 2020.
- Kajian ini berdasarkan maklumbalas pelajar mengenai keberkesanan perbincangan secara atas talian melalui penggunaan Lembaran Kerja yang diberikan bagi membantu mereka menyediakan dokumen Rancangan Perniagaan.

### 1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah:

- Dapat mengetahui keberkesanan aktiviti perbincangan dalam proses pembelajaran atas talian.
- Dapat mengetahui keberkesanan penggunaan Lembaran Kerja secara atas talian dalam penyediaan Rancangan Perniagaan.
- Dapat memberi maklumbalas dan rujukan pensyarah Kursus Keusahawan dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran secara atas talian.
- Dapat memberi maklumbalas dan rujukan pihak berkaitan dalam membantu meningkat proses PnP.
- Agar penggunaan Lembaran Kerja Penyediaan Rancangan Perniagaan dapat diperluaskan kepada semua.

## 2. Metodologi

Rekabentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk deskriptif melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soalselidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden. Seramai 94 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian, di mana jumlah ini meliputi jumlah keseluruhan pelajar semester 3 dari kelas

DET3B, DEE3B dan DEE3C yang mengambil Kursus Keusahawanan pada Sesi Jun 2020. Pelajar-pelajar ini telah menggunakan Lembaran Kerja dalam penyediaan dokumen Rancangan Perniagaan secara atas talian sepanjang semester berlangsung. Lembaran Kerja Penyediaan Rancangan Perniagaan telah diberikan awal sebelum perbincangan atas talian dijalankan bagi memudahkan pelajar-pelajar membuat rujukan awal dan bersedia dengan sesi perbincangan.

Borang soal selidik yang disediakan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A yang memfokuskan kepada latar belakang responden dan Bahagian B pula memfokuskan kepada maklumbalas responden terhadap keberkesanan proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian. Bahagian B ini mengandungi 19 item soalan yang diasingkan kepada 4 seksyen iaitu merujuk kepada 4 aspek iaitu keberkesanan terhadap kandungan Lembaran Kerja, keberkesanan terhadap interaksi atas talian, keberkesanan terhadap maklumbalas pensyarah, dan keberkesanan terhadap strategi motivasi pensyarah. Bahagian ini menggunakan skala pengukuran interval iaitu Skala Likert 5 mata iaitu Amat Setuju (AS), Setuju (S), Sederhana Setuju (SS), Tidak Setuju (TS) dan Amat Tidak Setuju (ATS). Borang soalselidik ini diambil dan diubahsuai dari soalselidik yang direkabentuk oleh Hamzah (2007). Responden dikehendaki mengisi maklumbalas tersebut bagi mengetahui keberkesanan proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian menggunakan Lembaran Kerja dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan bagi kursus Keusahawanan.

Data maklumbalas dari borang soal selidik dikumpulkan, direkod dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for Social Science). Pengkaji menggunakan pengiraan skor min bagi item skala likert, nilai kekerapan dan peratusan bagi menganalisis data tersebut. Analisa dapatan kajian bahagian B dinilai berdasarkan skor min berikut:

**Jadual 1: Julat Skor Min**

Julat Skor Min	Tafsiran Tahap
1.00 – 2.40	Lemah
2.41 – 3.80	Sederhana
3.81 – 5.00	Tinggi

*Sumber: Adaptasi daripada Landell, 1997*

### 3. Dapatkan Kajian

Dapatkan kajian terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A yang memfokuskan kepada latar belakang responden dan Bahagian B yang memfokuskan kepada maklumbalas keberkesanan proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian berdasarkan 4 aspek iaitu kandungan Lembaran Kerja, interaksi atas talian, maklumbalas pensyarah, dan strategi motivasi pensyarah.

#### 3.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden

Berdasarkan data demografi yang diperolehi daripada 94 orang responden yang menjawab soal selidik, berikut adalah dapatan kajian bagi latar belakang responden.

##### 3.1.1 Jantina

**Jadual 2: Taburan responden berdasarkan jantina**

Jantina	Responden	Peratus (%)
Lelaki	79	84
Perempuan	15	16
<b>Jumlah</b>	<b>94</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 2 di atas, didapati bilangan responden di kalangan pelajar lelaki adalah lebih ramai iaitu 84% dari pelajar perempuan yang hanya 16% yang bersamaan dengan 79 orang pelajar lelaki berbanding hanya 15 orang pelajar perempuan.

##### 3.1.2 Kelas Atas Talian

**Jadual 3: Taburan responden berdasarkan kelas atas talian yang diikuti**

Kelas	Responden	Peratus (%)
DET3B	31	32.9
DEE3B	29	30.9
DEE3C	34	36.2
<b>Jumlah</b>	<b>94</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3 di atas, pembahagian kelas atas talian yang diikuti oleh pelajar-pelajar semester 3 adalah seramai 31 orang (32.9%) dari kelas DET3B, 29 orang (30.9%) dari kelas DEE3B dan 34 orang (36.2%) dari kelas DET3C.

### 3.1.3 Peralatan Pembelajaran

<b>Jadual 4:</b> Taburan responden berdasarkan peralatan pembelajaran yang digunakan		
Peralatan	Responden	Peratus (%)
Komputer Riba	55	58.5
Telefon Pintar	37	39.4
Kedua-duanya	2	2.1
<b>Jumlah</b>	<b>94</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 4 di atas, didapati peralatan pembelajaran komputer riba lebih banyak digunakan semasa kelas atas talian iaitu seramai 55 orang responden (58.5%) yang menggunakan berbanding peralatan telefon pintar yang seramai 37 orang responden (39.4%) manakala hanya 2 orang responden (2.1%) sahaja yang menyatakan menggunakan kedua-dua peralatan tersebut semasa kelas atas talian.

### 3.1.4 Capaian Internet

<b>Jadual 5:</b> Taburan responden berdasarkan kelas atas talian yang diikuti		
Jantina	Responden	Peratus (%)
Wifi	15	16.0
Data Mudah Alih	60	63.8
Kedua-duanya	19	20.2
<b>Jumlah</b>	<b>94</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 5 di atas, majoriti responden menggunakan data mudah alih sebagai medium internet mereka semasa kelas atas talian iaitu seramai 60 orang responden (63.8%), manakala yang menggunakan data wifi adalah seramai 15 orang responden (16%) dan terdapat juga responden yang menggunakan kedua-dua medium data wifi dan data mudah alih iaitu seramai 19 orang responden (20.2%).

## 3.2 Bahagian B: Analisis Keberkesan

Bahagian ini mengandungi 18 item soalan yang dibahagikan kepada 4 seksyen mengikut aspek kajian iaitu maklumbalas kandungan Lembaran Kerja, maklumbalas interaksi atas talian, maklumbalas pensyarah, dan strategi motivasi pensyarah manakala 1 item soalan generalisasi keseluruhan pendapat. Responden memberi maklumbalas item kajian berdasarkan skala likert berikut:

<b>Jadual 6:</b> Skala Likert	
AS	Amat Setuju
S	Setuju
SS	Sederhana Setuju
TS	Tidak Setuju
ATS	Amat Tidak Setuju

### 3.2.1 Kandungan Lembaran Kerja

<b>Jadual 7:</b> Maklumbalas terhadap Kandungan Lembaran Kerja								
Bil	Pernyataan	ATS	TS	SS	S	AS	Min	TAHAP
1.	Tajuk Lembaran Kerja sesuai dengan kursus yang saya ambil	2.1% (2)		22.3% (21)	19.2% (18)	56.4% (53)	4.28	TINGGI
2.	Topik perbincangan mencabar minda saya	2.1% (2)	1.1% (1)	18.1% (17)	19.1% (18)	59.6% (56)	4.33	TINGGI
3.	Perbincangan atas talian membantu saya lebih memahami perkara yang sukar	2.1% (2)	5.3% (5)	25.5% (24)	18.1% (17)	48.9% (46)	4.06	TINGGI

4.	Perbincangan atas talian merupakan kesinambungan topik yang diajar	2.1% (2)	1.1% (1)	29.8% (28)	13.8% (13)	53.2% (50)	4.15	TINGGI
5.	Bahan rujukan (cth: nota, pautan, slaid dll) banyak membantu di dalam kursus	2.1% (2)		19.2% (18)	20.2% (19)	58.5% (55)	4.33	TINGGI
<b>Keseluruhan</b>							4.23	TINGGI

Jadual 7 menunjukkan maklumbalas pelajar terhadap kandungan Lembaran Kerja. Secara keseluruhannya skor min bagi kandungan Lembaran Kerja adalah tinggi iaitu 4.23, bermakna kandungan dan perbincangan menggunakan Lembaran Kerja yang diberikan kepada pelajar secara atas talian adalah sangat baik. Analisis mendapati item 2 dan 5 adalah yang paling tinggi iaitu 4.33 menunjukkan pelajar bersetuju topik perbincangan atas talian mencabar minda mereka dan bahan rujukan seperti nota, pautan, slaid dan lain-lain lagi banyak membantu mereka dalam menyediakan Rancangan Perniagaan melalui Lembaran Kerja yang diberikan.

### 3.2.2 Interaksi Perbincangan Atas Talian

**Jadual 8:** Maklumbalas terhadap Interaksi perbincangan atas talian

Bil	Pernyataan	ATS	TS	SS	S	AS	Min	TAHAP
6.	Perbincangan antara pensyarah dan pelajar berjalan secara konsisten	2.1% (2)	2.1% (2)	12.8% (12)	20.2% (19)	62.8% (59)	4.39	TINGGI
7.	Perbincangan antara rakan sekursus banyak membantu mempertingkatkan kefahaman saya	1.1% (1)	4.3% (4)	10.6% (10)	24.5% (23)	59.6% (56)	4.37	TINGGI
8.	Ramai rakan sekursus yang menyertai perbincangan atas talian	1.1% (1)	3.2% (3)	14.9% (14)	16.0% (15)	64.9% (61)	4.40	TINGGI
9.	Pensyarah saya menggalakkan pelajar berinteraksi antara satu dengan lain di atas talian	2.1% (2)	1.1% (1)	10.6% (10)	21.3% (20)	64.9% (61)	4.46	TINGGI
10.	Interaksi antara pensyarah dan pelajar membantu saya di dalam kursus ini	2.1% (2)	1.1% (1)	13.8% (13)	20.2% (19)	62.8% (59)	4.40	TINGGI
<b>Keseluruhan</b>							4.40	TINGGI

Jadual 8 menunjukkan maklumbalas pelajar terhadap interaksi perbincangan atas talian. Secara keseluruhannya skor min bagi interaksi perbincangan atas talian adalah tinggi iaitu 4.40, bermakna aktiviti perbincangan atas talian dalam menyediakan dokumen Rancangan Perniagaan melalui Lembaran Kerja adalah sangat baik. Analisis mendapati item 9 adalah yang paling tinggi iaitu 4.46, menunjukkan pelajar bersetuju pensyarah telah menggalakkan pelajar beinteraksi antara satu sama lain sepanjang sesi perbincangan secara atas talian bagi menyiapkan dokumen Rancangan Perniagaan melalui Lembaran Kerja yang diberikan.

### 3.2.3 Maklumbalas Pensyarah

**Jadual 9:** Maklumbalas terhadap maklumbalas dari pensyarah

Bil	Pernyataan	ATS	TS	SS	S	AS	Min	TAHAP
11.	Pensyarah kursus memberi maklumbalas segera terhadap persoalan saya	2.1% (2)		14.9% (14)	23.4% (22)	59.6% (56)	4.38	TINGGI
12.	Pensyarah kursus memberi jawapan yang saya kehendaki	2.1% (2)		12.8% (12)	22.3% (21)	62.8% (59)	4.44	TINGGI
13.	Pensyarah kursus memberi maklumat tambahan yang saya perlukan	2.1% (2)	1.1% (1)	12.8% (12)	22.3% (21)	61.7% (58)	4.40	TINGGI
14.	Saya memahami maklumbalas yang disampaikan oleh Pensyarah Kursus	2.1% (2)	17.0% (16)	22.3% (21)		58.5% (55)	3.96	TINGGI
<b>Keseluruhan</b>							4.30	TINGGI

Jadual 9 menunjukkan maklumbalas pelajar terhadap maklumbalas dari pensyarah kursus. Secara keseluruhannya skor min maklumbalas dari pensyarah kursus adalah tinggi iaitu 4.30, bermakna keberkesanannya maklumbalas dari pensyarah kursus sepanjang perbincangan di atas talian dalam menyediakan Rancangan Perniagaan adalah sangat tinggi. Analisis mendapati item 12 adalah yang paling tinggi iaitu 4.44 yang mana menunjukkan pelajar bersetuju bahawa pensyarah kursus telah memberi jawapan yang mereka kehendaki di atas permasalahan mereka sepanjang perbincangan atas talian berlangsung.

### 3.2.4 Strategi Motivasi Pensyarah

**Jadual 10:** Maklumbalas terhadap strategi motivasi yang digunakan pensyarah

Bil	Pernyataan	ATS	TS	SS	S	AS	Min	TAHAP
15.	Pensyarah kursus menggalakkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan	2.1% (2)	2.1% (2)	10.6% (10)	21.3% (20)	63.8% (60)	4.43	TINGGI
16.	Pensyarah memberi motivasi dan galakan apabila saya hadir di dalam perbincangan	2.1% (2)	1.1% (1)	11.7% (11)	21.3% (20)	63.8% (60)	4.44	TINGGI
17.	Pensyarah kursus menggunakan maklumbalas saya bagi menggalakkan perbincangan selanjutnya	2.1% (2)	1.1% (1)	11.7% (11)	23.4% (22)	61.7% (58)	4.42	TINGGI
18.	Pensyarah kursus memberi motivasi bagi menggalakkan semua pelajar menyertai perbincangan	2.1% (2)	1.1% (1)	10.6% (10)	21.3% (20)	64.9% (61)	4.46	TINGGI
<b>Keseluruhan</b>							4.44	TINGGI

Jadual 10 menunjukkan maklumbalas pelajar terhadap strategi motivasi yang digunakan pensyarah. Secara keseluruhannya skor min bagi strategi motivasi yang digunakan pensyarah adalah tinggi iaitu 4.44, bermakna strategi motivasi yang digunakan pensyarah sepanjang aktiviti perbincangan atas talian dalam menyediakan dokumen Rancangan Perniagaan adalah sangat baik. Analisis mendapati item 18 adalah yang paling tinggi iaitu 4.46, menunjukkan pelajar bersetuju pensyarah kursus telah memberi motivasi bagi menggalakkan semua pelajar menyertai perbincangan sepanjang sesi perbincangan secara atas talian bagi menyiapkan dokumen Rancangan Perniagaan melalui Lembaran Kerja yang diberikan.

### 3.2.5 Keseluruhan Pendapat

**Jadual 11:** Maklumbalas terhadap keseluruhan pendapat

Bil	Pernyataan	ATS	TS	SS	S	AS	Min	TAHAP
19.	Secara keseluruhannya, saya berpendapat bahawa proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian menggunakan Lembaran Kerja dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan adalah lebih mudah, berkesan dan sesuai dilaksanakan.	2.1% (2)	3.2% (3)	21.3% (20)	22.3% (21)	51.1% (48)	4.17	TINGGI

Jadual 11 menunjukkan maklumbalas pelajar terhadap keseluruhan pendapat mereka. Skor min bagi keseluruhan pendapat pelajar adalah tinggi iaitu 4.17, bermakna keseluruhan pelajar berpendapat bahawa proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian menggunakan Lembaran Kerja dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan adalah lebih mudah, berkesan dan sesuai dilaksanakan secara atas talian.

## 4. Perbincangan

Secara keseluruhan hasil dapatan kajian, di dapat min keseluruhan bagi keberkesanannya pembelajaran atas talian dari aspek yang dikaji adalah masing-masing mempunyai tahap yang tinggi iaitu melebihi nilai 4. Didapati min keseluruhan bagi aspek maklumbalas terhadap kandungan Lembaran Kerja adalah sebanyak 4.23, begitu juga dari aspek maklumbalas terhadap interaksi dalam perbincangan atas talian sebanyak 4.40, manakala aspek maklumbalas dari

pensyarah kursus sebanyak 4.30 dan dari aspek maklumbalas terhadap strategi motivasi digunakan pensyarah sebanyak 4.44.

Nilai skor min keseluruhan yang paling tinggi di antara 4 aspek yang dikaji adalah dari aspek maklumbalas terhadap strategi motivasi yang digunakan pensyarah iaitu 4.44. Ini menunjukkan bahawa pensyarah kursus merupakan individu utama yang memainkan peranan dalam memberi motivasi kepada pelajar agar mereka semua menyertai dan mengambil bahagian sepanjang perbincangan secara atas talian bagi menyediakan satu dokumen Rancangan Perniagaan melalui Lembaran Kerja yang telah diberikan. Dapatkan ini disokong oleh Hamzah (2007) yang mendapati pensyarah merupakan orang bertanggungjawab memotivasi pelajar dan memastikan mereka menggunakan perbincangan atas talian. Kearsley (2000) juga menyatakan bahawa salah satu peranan pensyarah adalah memastikan wujudnya interaksi dan penglibatan yang tinggi semasa proses pembelajaran berlaku. Ia sejajar dengan tugas pensyarah sebagai moderator, pensyarah perlu sentiasa bersama-sama dengan pelajar dalam melakukan perbincangan atas talian bagi membantu mempertingkatkan pengetahuan pelajar (Azis, 2011).

Nilai min keseluruhan kedua tertinggi adalah dari aspek maklumbalas terhadap interaksi dalam perbincangan iaitu 4.40. Ini menunjukkan bahawa aktiviti perbincangan secara atas talian di antara pelajar dengan pensyarah kursus dan juga interaksi mereka sesama rakan kursus di atas talian sangat membantu meningkatkan kefahaman mereka untuk menyediakan Rancangan Perniagaan melalui Lembaran Kerja yang diberikan (Ab Latif, 2011). Razak (2013) dalam hasil kajiannya mendapati pelajar lebih suka berinteraksi dan memberi pendapat secara atas talian kerana mereka lebih selesa menyuarakan pendapat dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini disokong oleh Offir, Lev & Bezalel (2008) yang menyatakan bahawa tahap interaksi antara pelajar dan guru dan juga sesama mereka adalah signifikan dalam menentukan keberkesaan pembelajaran secara atas talian. Dapatkan kajian yang diperoleh melalui temu bual mendapati kesemua responden sependapat bahawa perbincangan atas talian membantu mereka berinteraksi menyiapkan tugasan kumpulan walaupun berada di rumah.

Nilai min keseluruhan ketiga tertinggi adalah dari aspek maklumbalas daripada pensyarah kursus iaitu 4.30. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar sangat memerlukan maklumbalas segera dan jawapan yang sesuai dan tepat dari pensyarah sepanjang perbincangan atas talian dalam menyediakan Rancangan Perniagaan melalui Lembaran Kerja yang diberikan. Wardani, Hanifunisa & Fatonah (2013) dalam kajiannya membuktikan bahawa maklumbalas positif dari guru memberi kesan yang baik terhadap kesediaan pelajar dalam belajar seterusnya dapat meningkatkan kecekapan mereka.

Nilai min keseluruhan keempat tertinggi adalah dari aspek maklumbalas terhadap kandungan Lembaran Kerja iaitu 4.23. Ini menunjukkan bahawa kandungan Lembaran Kerja semasa perbincangan atas talian adalah sangat penting, mencabar minda dan membantu pelajar memahami perkara yang perlu untuk menyediakan sebuah Rancangan Perniagaan di samping merujuk bahan rujukan seperti nota, slaid pembentangan, pautan dan lain-lain yang disediakan. Dapatkan ini disokong oleh Hamzah (2007) di mana hasil kajiannya mendapati keberkesaan kandungan perbincangan atas talian adalah tinggi terhadap pembelajaran di UPSI.

Manakala generalisasi pendapat keseluruhan, hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar kejuruteraan semester 3 yang mengambil kursus Keusahawanan berpendapat bahawa proses pembelajaran melalui perbincangan secara atas talian menggunakan Lembaran Kerja dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan adalah lebih mudah, berkesan dan sesuai dilaksanakan secara atas talian.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya hasil kajian mendapati terdapat keberkesaan dalam aktiviti perbincangan secara atas talian di kalangan pelajar kejuruteraan yang mengambil kursus Keusahawanan dalam menggunakan Lembaran Kerja bagi Penyediaan Rancangan Perniagaan berdasarkan aspek yang dikaji iaitu kandungan Lembaran Kerja, Interaksi perbincangan atas talian, maklumbalas pensyarah kursus dan strategi motivasi yang digunakan pensyarah.

## Rujukan

- Ab Latif, A. A. (2011). Asas keusahawanan dan pengurusan perniagaan kecil dan sederhana.
- Abd Rahman, Y. (2003). Pengetahuan terhadap penyediaan rancangan perniagaan: satu tinjauan di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn).
- Agus, R., & Samuri, S. M. (2018). Learning Analytics Contribution in Education and Child Development: A Review on Learning Analytics. Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning, 8, 36-47. <https://doi.org/10.37134/ajatel.vol8.4.2018>.

- Amirudin, M. R., & Md Hidayat. (2018). "Kesedaran, Penerimaan, Keberkesanan Dan Hubungkaitnya Terhadap Perlaksanaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Merlimau." Penulisan Ilmiah. Politeknik Merlimau, Melaka.
- Azis, H. A. (2011). "Keberkesanan Pembelajaran Menggunakan Forum Dalam Sistem *E-Learning*: Kajian Kes Pelajar Tahun 4SPI." Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamzah, M. (2007). "Keberkesanan Penggunaan Perbincangan Atas Talian Dalam Portal My Guru 2 Terhadap Pembelajaran Di UPSI." *1<sup>st</sup> International Malaysian Educational Technology Convention*.
- Kearsley, G. (2000). "Online Education: Learning and teaching in cyberspace." Belmont, CA.: Wadsworth/Thomson Learning.
- Landell, K. (1997). Management by menu. London: Wilay and Sms Inc.
- Md Razak, M. I. (2020). "COVID-19: Pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia maju." Artikel diakses Oktober, 2020 from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496>
- Ngadi, E. (2020). "Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran atas talian." Artikel diakses Oktober, 2020 from <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Offir, B., Lev, Y., & Bezalel, R. (2008). "Surface and deep learning processes in distance education: Synchronous versus asynchronous systems." Computers and Education, 51(3): 1172 – 1183.
- Razak, R. A. (2013). "Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu." JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil. 1 Isu 3.
- Sabariah, F., & Fatimah, S. (2018). "Kajian Mengenai Kecenderungan Pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Azlan Shah Dalam Menjalankan Perniagaan Atas Talian. Penulisan Ilmiah. Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak.
- Wardani, Y., Hanifunisa, S., & Fatonah, S. (2013). "Students' Response Upon Receiving Feedback from Lecturer in Class." Jakarta: Undergraduate Paper Sebelas Maret University